

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM TONG HIM  
(KOTA MELAKA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 02.04.2015**

**Y.B. TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) sebab-sebab Kerajaan memilih untuk mengumumkan perutusan khas perkembangan ekonomi semasa di Putrajaya dan bukan melalui persidangan khas Parlimen; dan
- (b) bukankah ini boleh dianggap ia telah menghina Parlimen yang meluluskan Bajet 2015.

**JAWAPAN**

Pengumuman Perutusan Khas Perdana Menteri tentang

Perkembangan Ekonomi Semasa dan Kedudukan Kewangan Negara pada 20 Januari 2015 baru-baru ini di Putrajaya adalah bagi memberi penjelasan secara langsung kepada rakyat berhubung kesan penurunan harga minyak dan kedudukan nilai mata wang ringgit terhadap ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat. Majlis dihadiri oleh para pemimpin dan pentadbir, penjawat awam, ketua-ketua industri dan golongan korporat, wakil-wakil kedutaan, golongan NGO dan para sukarelawan serta disiarkan secara langsung melalui media elektronik ke seluruh negara.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang telah diumumkan dalam Perutusan Khas ini tidak melibatkan sebarang perbelanjaan tambahan. Memandangkan langkah-langkah ini tidak melebihi jumlah asal Bajet 2015 yang telah diluluskan, Bajet 2015 tidak perlu dibentangkan semula. Peraturan ini adalah selaras dengan subseksyen 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) yang memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menyekat atau menngguhkan mana-mana perbelanjaan yang telah diluluskan. Subseksyen tersebut adalah seperti berikut, dengan izin:

*"Notwithstanding any general or specific authority which may have been given by him, it shall be within the discretion of the Minister or the Menteri Besar or Chief Minister, as the case may be, to limit or suspend any expenditure so authorized"*

4. Sehubungan itu, langkah-langkah yang diumumkan dalam Perutusan Khas ini tidak perlu dibentangkan semula memandangkan ianya tidak melibatkan implikasi tambahan kepada perbelanjaan Bajet 2015.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY**  
**KAWASAN : KOTA KINABALU**  
**TARIKH : 2 APRIL 2015, KHAMIS**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY (KOTA KINABALU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan statistik yang terperinci mengenai jumlah trafik di setiap jalan persekutuan dalam Greater Bandaraya Kota Kinabalu dari tahun 2005 hingga 2014. Berapakah jumlah kereta yang menggunakan jalan tersebut dalam sehari dan waktu puncak, mengikut nama jalan, jumlah trafik dan jarak jalan berkenaan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data bancian trafik kebangsaan, jumlah kenderaan di Kota Kinabalu telah meningkat dari 28,000 kenderaan sehari pada tahun 2005 kepada 56,000 kenderaan sehari pada tahun 2014, iaitu peningkatan hampir 100% untuk tempoh 10 tahun. Data bancian trafik ini dicerap di stesen bancian Jalan Kota Kinabalu – Telipok – Tuaran.

Maklumat mengenai jumlah statistik bilangan kenderaan di Kota Kinabalu dari tahun 2005 hingga 2014 untuk tempoh 24 jam dan pada waktu puncak ialah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bil. Kenderaan (24 jam)</b>	<b>Bil. Kenderaan (Waktu Puncak)</b>
2005	28,462	2,359
2006	27,448	2,437
2007	23,880	1,932
2008	29,401	2,622
2009	27,708	2,127
2010	33,317	2,732
2011	41,409	2,856
2012	48,832	4,230
2013	54,193	3,286
2014	56,417	3,615

Sekian. Terima kasih.